

# Penglibatan aktiviti sukarelawan mahasiswa kurang

UM (Dlm Negeri) Ahad 10/10/14 ms17



KUANTAN 9 Okt. - Generasi muda perlu diterapkan semangat sukarelawan dalam usaha menjadikan mereka lasak minda dan mempunyai daya tahan bagi menghadapi cabaran pada masa akan datang.

Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah bertitah, semangat tersebut merupakan satu agenda yang perlu dijuarai oleh mahasiswa.

Baginda menjelaskan, kajian yang dilakukan University of Maryland, Amerika Syarikat pada 1992 mendapati, jumlah mahasiswa berminat dalam ak-

tiviti sukarelawan kian menurun.

"Pelbagai alasan dikemukakan seperti tiada masa dan ingin menumpukan perhatian kepada pengajian semata-mata.

"Kajian tersebut juga mendedahkan penuntut perempuan lebih berminat menyertai aktiviti sukarelawan berbanding penuntut lelaki," titah baginda.

Baginda yang merupakan Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) bertitah demikian pada Majlis Konvokesyen Ke-5 universiti itu di sini, hari ini.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Seramai 1,030 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada majlis konvokesyen tersebut.

Pada majlis itu, Adnan menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Teknologi) daripada Tengku Mahkota Pahang.

Pengiktirafan terhadap Menteri Besar itu dilakukan berikutan usaha beliau meletakkan Pahang sebagai sebuah negeri yang maju dan makmur.

Baginda menegur sikap sesetengah mahasiswa yang seolah-olah tidak mahu menerima cabaran yang menguji ketahanan dan kelasakan diri.

"Beta khuatir jika perkara itu berterusan akan menjejaskan daya saing graduan di alam kerjaya," tegas baginda.

Justeru, baginda menyeru pihak pengurusan universiti menjadikan aktiviti sukarelawan sebagai agenda utama yang perlu diperkasa bagi membangunkan potensi dan bakat mahasiswa di institusi tersebut.

**TENGGU Abdullah Sultan Ahmad Shah menyampikan Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada Adnan Yaakob pada Majlis Konvokesyen Ke-5 Universiti Malaysia Pahang di Gambang, Kuantan, semalam.**